

# Dr M akan umum jumlah sebenar ahli Umno

BH

- 9 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan jumlah keahlian Umno sebenar pada Perhimpunan Agung parti yang akan bermula Rabu ini.

Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata keahlian Umno meningkat agak ketara, selaras dengan kekuatannya sebagai parti unggul Melayu di negara ini.

Malah, katanya, peningkatan itu juga membuktikan pembaharuan dan pendekatan yang dilaksanakan Ibu Pejabat Umno untuk mengukuhkan parti itu sejak kebelakangan ini berjaya mencapai matlamatnya.

“Keahlian Umno bertambah selari dengan semangat baru yang akan memastikan sokongan rakyat terhadap Umno meningkat.

“Keadaan ini penting bagi mencerminkan keutuhan dan memulihkan semula kekuatan serta keyakinan rakyat terhadap Umno sebagai parti terunggul negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat khas kepada 100 kakitangan yang menjadi tonggak perjalanan Perhimpunan Agung Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Sementara itu, Khalil meminta semua kakitangan terbabit supaya bersikap berkecuali ketika pemilihan jawatankuasa peringkat tertinggi termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanitanya.

“Dalam politik tidak ada hero atau heroin. Jadi saya harap kita berkecuali dan tidak menunjukkan sikap memihak,” katanya yang turut meminta semua petugas terbabit mengamalkan sikap mesra kepada perwakilan.